

## 4,228 graduan UMS akan bergraduasi tahun ini

UB 13.12.2021 P.06

**KOTA KINABALU:** Seramai 4,228 graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun 2021 akan bergraduasi pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-23.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Dr Juhar Mahiruddin selaku Canselor UMS telah pun bersetuju untuk menyempurnakan pengisytiharan Majlis Konvokesyen ke-23 pada 22 Disember ini.

“Konvokesyen itu bakal menyaksikan 77 graduan Doktor Falsafah (PhD) yang

merupakan angka terbesar yang pernah dicapai oleh UMS.

“Tun Juhar juga akan hadir pada majlis konvokesyen yang akan dibuat secara fizikal pada tahun depan iaitu Majlis Konvokesyen UMS kali ke-22 untuk graduan tahun 2020 pada bulan Mac 2022.

“Manakala, graduan tahun 2022 Majlis Konvokesyen yang ke-24 akan berlangsung pada November tahun depan.

“Di samping itu, kita mempunyai graduan yang pertama dari Akademik Seni

dan Teknologi Kreatif (AS-TiF) dan Fakulti Pengajian Islam.

“Paling signifikannya, seramai 27 pelajar dari Fakulti Pengajian Islam merupakan kumpulan yang pertama bakal bergraduasi,” jelasnya kepada media selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang di-Pertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin di Istana Seri Kinabalu, semalam.

Menurutnya, kunjungan berkenaan diadakan untuk memaklumkan majlis pengisytiharan konvokesyen tersebut serta memaklumkan

pelanjutan tempoh pelantikan Tan Sri Azman Hashim sebagai Pro-Canselor UMS.

Mengiringi beliau ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Rasid Mail, Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, Penolong Naib Canselor (Strategik) UMS, Profesor Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim, Kurator Kanan Pusat Pengurusan Strategik & Komunikasi Korporat, Mohd Hilmey Sali dan Penolong Pendaftar, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Kim Asbiyallah Shah Akim.



**CENDERAHATI:** Taufiq (tiga kiri) menyampaikan cenderahati kepada Tun Juhar (empat kanan).